

12/12/2000

Salah guna kebebasan media perlu dibanteras

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan tidak akan membiarkan mana-mana pihak menyalahgunakan kebebasan media untuk menghasut rakyat supaya merusuh dan mengganas serta melaga-lagakan masyarakat berbilang kaum, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata penyalahgunaan kebebasan mesti dibanteras sebelum ia membawa kecelakaan kepada negara.

"Ini adalah tanggungjawab kerajaan pilihan rakyat di mana-mana, termasuk negara yang mengamal demokrasi liberal," katanya ketika menjawab soalan Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail (Keadilan-Permatang Pauh) di Dewan Rakyat, hari ini.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, media di Malaysia bebas menyokong sesiapa sama ada kerajaan atau parti kerajaan dan parti lawan.

Katanya, banyak akhbar di negara ini, juga bebas melemparkan fitnah terhadap kerajaan dan ini membuktikan kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak menguasai media.

Perdana Menteri berkata, akhbar yang menyokong kerajaan melaporkan kegiatan dan pendapat parti lawan, tetapi akhbar pembangkang tidak pernah berlaku adil kepada kerajaan dan parti kerajaan.

Dengan penggunaan Internet secara meluas sekarang, katanya, fitnah, pembongkaran dan hasutan yang dilemparkan menerusi laman web parti pembangkang kini amat ketara.

Malah, Dr Mahathir berkata, rencana dari laman web disalin dan disebar dengan meluas, tetapi kerajaan tidak mengawal Internet, buku, cakera padat dan pita yang mengandungi fitnah, hasutan dan pembongkaran.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, beliau masih berpegang dengan kenyataan dalam ucapan pada Persidangan Antarabangsa Peranan Media di Negara-Negara Berkecuali pada 21 September lalu, bahawa kerajaan yang menguasai media adalah kerajaan tidak bermoral.

"Kerajaan malah mana-mana orang perseorangan, kumpulan, pertubuhan dan agensi berita sendiri pun dianggap tidak bermoral apabila mereka menguasai media sehingga orang lain tidak dapat layanan yang sewajarnya dalam media mereka.

"Lebih tidak bermoral lagi apabila media di bawah kuasa pihak tertentu melempar fitnah, pembongkaran dan laporan yang tidak berasas," katanya.

Menjawab soalan Ahli Parlimen Kuala Kedah, Mohamad Sabu, Perdana Menteri berkata, media bukan milik kerajaan dan pemerintah hanya memiliki warta kerajaan.

Di Malaysia, katanya, ada akhbar yang melanggar undang-undang, seperti Harakah dan Rokat diedar secara meluas, tetapi kerajaan tidak menangkap orang terbabit.

"Akhbar ini tidak pernah langsung cerita yang benar, cerita bohong semata-mata. Cerita saya sudah meninggal, sudah empat kali, tapi saya hidup lagi.

"Macam-macam lagi, saya buat kerja haji tidak habis, tidak boleh buat haji dan jatuh kuda. Ini semua pembongkaran yang dibawa oleh surat khabar parti lawan," katanya.

Perdana Menteri berkata, media perlu menjaga kepentingan negara dan tindakan menyiarkan demonstrasi dan rusuhan sepanjang masa akan menakutkan pelabur dan pelancong luar.

Bagaimanapun, katanya, media asing seperti CNN menyiarkan kejadian demonstrasi sepanjang 24 jam, sedangkan perkara itu berlaku cuma dua atau

tiga jam.

"Dia (CNN) ulang seolah-olah negara kita ini sepanjang masa menghadapi demonstrasi, sedangkan kejadian itu berlaku di satu tempat saja.

"Alhamdulillah, orang demonstrasi ini pilih satu jalan, tidak kacau orang, tetapi CNN akan tunjuk gambar apabila polis nak melerai orang demonstrasi," katanya.

Tindakan itu, katanya, menyebabkan orang yang mengadakan demonstrasi semakin berani dan menganggap boleh berbuat apa saja kerana dilindungi CNN dan media asing lain.

Dr Mahathir berkata, media asing membesarkan laporan itu untuk menunjukkan negara kita seolah-olah tidak aman sama sekali.

Beliau berkata, orang ramai yang mengikuti laporan media asing akan keliru dan bertindak ganas hingga menjadikan negara huru hara. Itulah agenda orang asing.

(END)